



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia **menafikan** pernah mengeluarkan dokumen bertajuk "Cadangan SOP & Garis Panduan Bagi Kebenaran Beroperasi Untuk Projek Pembinaan Semasa PKP" dan "Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 Industri Pembinaan".
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) **menafikan** tentang surat edaran bertarikh 7 April 2020 yang dikeluarkan Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang tular di media sosial mengarahkan pemotongan Elaun Keraian sebanyak 5% bagi Pegawai Perkhidmatan Awam daripada Gred 44 dan ke atas. Kenyataan media daripada Pejabat KSN bertarikh 9 April 2020 **menjelaskan** bahawa Pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Tertinggi bersetuju mengurangkan Imbuhan Tetap Keraian (ITK) terhadap Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) sahaja untuk tujuan menyumbang kepada Tabung COVID-19.

Pasukan Respon Pantas
KKMM
11 April 2020 | 7.30 Malam

